

Tidak wajar potong gaji pekerja

Oleh Hisham Idris
hisham.idris@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (NUBE) berpendapat tindakan pemotongan gaji sehingga 20 peratus biarpun secara sukarela bagi kakitangan bank adalah tindakan tidak wajar.

Setiausaha Agungnya, J Solomon berkata, ini kerana bank-bank dijangka masih memperoleh keuntungan sehingga hujung tahun ini dan tindakan memotong gaji adalah tidak tepat.

Jelasnya, ia menampakkan seolah-olah pihak bank ingin melepaskan tangan dan mengambil kesempatan di atas krisis ekonomi dunia yang sedang melanda.

“Setiap majikan yang inginkan keuntungan sama setiap thun dengan memotong gaji merupakan sesuatu yang tidak wajar bagi kakitangan kerana ia bukan kesilapan pekerja,” katanya ketika dihubungi semalam.

Kosmo! Semalam melaporkan ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bumiputra-Commerce Holdings, Datuk Seri Nazir Tun Razak memberi jaminan bahawa bank kedua terbesar di Negara tidak akan membuang pekerja.

Namun di sebalik jaminan itu, pihaknya telah meminta kakitangan tertentu untuk mempersetujui langkah pemotongan gaji secara sukarela kira-kira 10 hingga 20 peratus.

Solomon berkata, sehingga kini beliau difahamkan seramai 28, 000 kakitangan bank yang bernaung di bawah NUBE tidak akan terlibat dengan tindakan terbabit.

Pada masa yang sama katanya, kesemua ahli NUBE juga tidak akan terlibat dengan mana-mana pemberhentian pekerja kerana bank di Malaysia masih stabil.

“Kira-kira 85 peratus kakitangan bank merupakan ahli kesatuan dan jika terdapat sebarang tindakan memberhentikan kerja berlaku, pihak bank perlu mengadakan perbincangan dengan kita terlebih dahulu,” jelasnya.